



KOPI PAHIT

Sukarno bilang orang-orang sekarang banyak fasiq!
Benar Bung! Tetapi kalau mahu orang jangan fasiq, kepala
negara dahulu berikan contoh **jangan buat kerja-kerja fasiq!**

* * *

Sukarno bilang sudah penat dengan perang, perang dan
perang! Tetapi siapa yang mengarah tentera pusat untuk
berperang melawan orang-orang Sumatera Barat yang mengendaki
perubahan di dalam negara? **Bung Karno**, bukan? Sedap Bung
bercakap kerana lidah tak bertulang!

* * *

Sukarno minta orang luar jangan campur perkara
dalam Indonesia tetapi senjata-senjata Rusia dikatakan
menumpang-numpang masuk ke Indonesia diseludupkan di dalam
kapal-kapal Rusia -- tidakkah ertinya ini senjata

Komunis untuk membantu Sukarno?

* * *

Menteri luar Indonesia menuduh Amerika dan
Siato bantu pemberontak di Sumatera Barat tetapi bolehkah
menteri luar itu memberi buktinya? Memang Bung orang
**Indonesia suka main tuduh-tuduh sahaja apalagi menteri
luarnya.**

* * *

Selama ada pemberontakan di Indonesia, ditegah
membuka radio revolusioner! Ini mengingatkan orang pada
zaman Jepun dahulu dan inilah demokrasi yang dipimpin
Sukarno?

* * *

Kebakaran berlaku di Singapura. Pertolongan datang
mencurah-curah. Ini disyukuri! Tetapi apakah sebenarnya ada
di sebalik pertolongan itu? Perebutan pengaruh politik
Bung!

* * *

Buruh bandaran mogok dan kerana mahu menyampaikan
hajat mereka, Jemaah Bandaran mencadangkan cukai
pintu yang sudah 34 peratus itu dinaikkan -
ertinya tuan-tuan punya rumah mesti bayar lebih untuk kesenangan

mereka. Menyenangkan sepuak- puak lain susah dan
akhirnya kalau puak yang lain yang kena susah itu boikot
tidak mahu bayar cukai pintu apa halnya pula?

* * *

Untuk kesenangan buruh, pekedai kecil, juga
pekedai besar, dipaksa membayar *provident fund* sedang
pekedai-pekedai kecil sekarang, dalam masa keadaan buruk
di Indonesia, bernafas pun susah. Kalau mereka tidak
bayar mereka dituntut oleh undang-undang di mahkamah! Mengapa tidak
diadakan pula undang-undang untuk mengurangkan kesusahan
pekedai-pekedai atau perusahaan kecil yang susah itu?

Inilah caranya berat sebelah Bung! Apakah pekedai-pekedai kecil
tidak mahu adakan mogok supaya nasib mereka pula
ditimbangan oleh kerajaan sebagai keadaan buruh?

* * *

Sjafruddin Prawiranegara bilang, kalau usaha
orang-orang mencari harta dengan kemahuan dirampas atau
diperah untuk faedah rakyat-rakyat yang malas tentunya nanti
tidak ada orang yang mahu mencari kelebihan dan kekayaan.
Benar Bung! Selama buruh berkuasa **orang-orang yang jadi pedagang
kecil menderit**a dengan berbagai-bagai undang-undang yang boleh menghukum
dia sedang muslihat mereka tidak sedikit pun
difikirkan. Ini berat sebelah Bung!

* * *

Seorang pemimpin Melayu, di dalam perbualannya
mengatakan daripada pengalamannya bahawa sukar memimpin orang Melayu
dalam jalan-jalan berusaha. Berapa banyak wang yang telah terkorban
dengan syarikat-syarikat Melayu- yang habis jadi korban.
“RIDA” sudah habis lima million. Betul Bung! Ini
sebenarnya salah pilih! Kalau mahu bantu perusahaan Melayu
jangan beri bantuan wang - kerana kalau ada wang di tangan,
mereka selalu gelap mata - ofisnya mahu cantik-cantik,
perusahaannya dibuka dengan belanja besar kerana jamuan teh,
manager-nya mahu tambah isteri. Tetapi kalau mahu bantu
**mereka belilah barang-barang yang diusahakan mereka - beri pekerjaan
kepada mereka** - yakni sesudah mereka bekerja baharu diberi
upah! Cara ini sahaja yang baik - kalau cara lain
bagaimana pun tidak akan berjaya kerana banyak di antara
mereka yang tidak berpengalaman!

* * *

Tiap-tiap hari di dalam akhbar tempatan mencitrakan
pecah rumah dan curi. Ertinya ada dua – orang
hidup susah mahu dapat senang – kerja tidak ada
dan kawalan negara tidak cekap.